



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

INDEKS HARGA PENGGUNA

CONSUMER PRICE INDEX

JANUARI **2024**
January



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA**

**INDEKS HARGA PENGGUNA
CONSUMER PRICE INDEX
(2010 = 100)**

Pemakluman

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my> untuk maklumat lanjut. Tema adalah "Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian".

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan".

Pangkalan Data Utama (PADU) telah diluncurkan pada 2 Januari 2024. PADU mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia. Matlamat utama PADU untuk memastikan rakyat Malaysia tidak tercalar daripada setiap inisiatif berpaksikan rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Dimohon kerjasama untuk mendaftar dan mengemaskini PADU sebelum atau pada 31 Mac 2024. Sila layari <https://www.padu.gov.my> bagi maklumat lanjut berkaitan PADU atau menghubungi talian *hotline* berikut:

- i) Jabatan Perangkaan Malaysia : 1-800-88-7720 /1-800-88-7721
- ii) Pertanyaan secara online melalui SISPA: <https://padu.spab.gov.my>.

Announcement

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development".

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".

The Central Database (PADU) was launched on 2 January 2024. PADU contains individual and household profiles covering citizens and permanent residents of Malaysia. The main goal of PADU is to ensure that Malaysians are not left behind from citizen centric initiatives implemented by the Government. Your kind cooperation is requested to register and update PADU by 31 March 2024. Please visit <https://www.padu.gov.my> for more information related to PADU or contact the following hotlines:

- i) Department of Statistics Malaysia : 1-800-88-7720 /1-800-88-7721*
- ii) Online Enquiries through SISPA: <https://padu.spab.gov.my>.*

Diterbitkan dan dicetak oleh / *Published and printed by:*

Jabatan Perangkaan Malaysia

Department of Statistics Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62514 Putrajaya,

MALAYSIA

Tel. : 03-8885 7000
Faks : 03-8888 9248
Portal : <https://www.dosm.gov.my>
Facebook / X / Instagram / YouTube : StatsMalaysia
E-mel / *E-mail* : info@dosm.gov.my (pertanyaan umum / *general enquiries*)
data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data / *data request & enquiries*)

Harga / *Price* : RM10.00

Diterbitkan pada Februari 2024 / *Published in February 2024*

Hakcipta terpelihara / *All rights reserved.*

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in database without the prior written permission from Department of Statistics Malaysia. Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following:

“Source: Department of Statistics Malaysia”

ISSN 0127 – 9491

KATA PENGANTAR

Penerbitan Indeks Harga Pengguna (IHP), Malaysia ini memaparkan statistik meliputi 13 kumpulan utama barangan dan perkhidmatan. Ini selaras dengan klasifikasi terkini yang berpandukan kepada **United Nations "Classification of Individual Consumption According to Purpose (COICOP)"** yang diterbitkan pada Mac 2018. Penyediaan statistik ini adalah berdasarkan konsep dan garis panduan daripada **Consumer Price Index Manual: Concepts and Methods, 2020** yang diterbitkan oleh **International Monetary Fund (IMF)**.

Bermula keluaran Januari 2024, bakul barangan dan perkhidmatan IHP telah dikemaskini berdasarkan Survei Perbelanjaan Isi Rumah (HES) yang dijalankan bagi tempoh dua belas bulan rujukan iaitu dari Januari hingga Disember 2022. Pengemaskinian bakul ini disarankan oleh IMF untuk memastikan statistik yang diterbitkan mencerminkan corak perbelanjaan terkini pengguna.

IHP telah disusun buat kali pertama dengan menggunakan tahun 1967 sebagai tahun asas (1967=100). Selepas itu, ia telah diasaskan semula kepada tahun 1980, 1990, 1994, 2000, 2005, 2010 dan kini masih 2010 sebagai "tempoh rujukan indeks" dengan 2022 sebagai "tempoh rujukan wajaran" yang dinyatakan pada harga Disember 2023. Objektif utama IHP adalah untuk mengukur perubahan harga barangan dan perkhidmatan yang dibeli oleh isi rumah mengikut masa bagi 'bakul' tetap barangan dan perkhidmatan. Indeks ini menggunakan tahun 2010 sebagai tahun asas.

Penerbitan ini mengandungi tiga bahagian utama. Bahagian pertama mengandungi infografik dan ringkasan penemuan IHP. Bahagian kedua pula memaparkan jadual statistik di peringkat Malaysia dan negeri, manakala bahagian terakhir mengandungi nota teknikal yang menerangkan konsep dan definisi bagi membantu pengguna memahami statistik yang diterbitkan.

Jabatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama dan sumbangan yang diberikan oleh semua pihak dalam menjayakan penerbitan ini. Cadangan dan pandangan ke arah penambahbaikan penerbitan ini pada masa hadapan amatlah dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia

Februari 2024

PREFACE

The Consumer Price Index (CPI), Malaysia presents statistics covering 13 main groups of goods and services. This is consistent with the classification according to the **United Nations** latest "**Classification of Individual Consumption According to Purpose (COICOP)**", published in March 2018. The compilation is based on the concepts and guidelines of the **Consumer Price Index Manual: Concepts and Methods, 2020** published by the **International Monetary Fund (IMF)**.

Starting from January 2024 release, the basket of goods and services of the CPI has been updated based on the Household Expenditure Survey (HES) conducted for the reference period of twelve months from January to December 2022. This exercise follows the recommendation by the IMF to ensure that official statistics published reflect the latest spending patterns of consumers.

The CPI was compiled for the first time using 1967 as the base year (1967=100). Subsequently, it has been rebased to 1980, 1990, 1994, 2000, 2005, 2010 and now still 2010 as the "index reference period" with 2022 as "weight reference period" which was expressed in December 2023. The main objective of CPI is to measure the changes over time in the price of consumer goods and services purchased by households for a constant 'basket' of goods and services in a specified time period. This index was compiled using 2010 as a base year.

This publication consists of three main parts. The first part contains the infographic and summary of findings on CPI. The second part shows statistical tables at Malaysia and state levels, while the last part contains technical notes that explain the concepts and definitions to assist users in understanding the published statistics.

The Department gratefully acknowledges the cooperation and contribution rendered by all parties in making this publication a success. Suggestions and views towards improving this publication in the future are greatly appreciated.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN
Chief Statistician Malaysia
February 2024

KANDUNGAN

CONTENTS

	Muka Surat <i>Page</i>
KATA PENGANTAR <i>PREFACE</i>	i ii
SEPINTAS LALU <i>AT A GLANCE</i>	3
RINGKASAN PENEMUAN <i>SUMMARY OF FINDINGS</i>	11 27
HARGA PURATA <i>AVERAGE PRICES</i>	45
SENARAI JADUAL <i>LIST OF TABLES</i>	53
NOTA TEKNIKAL <i>TECHNICAL NOTES</i>	97 102
PENGEMASKINIAN BAKUL INDEKS HARGA PENGGUNA <i>UPDATING THE CONSUMER PRICE INDEX</i>	109 116
LAMPIRAN <i>APPENDIX</i>	125

SENARAI JADUAL

LIST OF TABLES

		Muka Surat Page
1	Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama dan Perubahan Peratus, Malaysia <i>Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Main Group and Percentage Change, Malaysia</i>	53
2	Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Subkumpulan Makanan & Minuman dan Perubahan Peratus, Malaysia <i>Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Subgroup Food & Beverages and Percentage Change, Malaysia</i>	53
3	Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama dan IHP Tanpa Bahan Api, Malaysia <i>Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Main Group and CPI without Fuel, Malaysia</i>	54
4	Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama dan IHP Tanpa Bahan Api, Malaysia - Perubahan Peratus Tahun ke Tahun <i>Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Main Group and CPI without Fuel, Malaysia - Percentage Change Year-on-Year</i>	55
5	Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama dan IHP Tanpa Bahan Api, Malaysia - Perubahan Peratus Bulan ke Bulan <i>Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Main Group and CPI without Fuel, Malaysia - Percentage Change Month-on-Month</i>	56
6	Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama, Malaysia-Indeks Asal & Pelarasan Musim <i>Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Main Group, Malaysia-Original & Seasonally Adjusted index</i>	57
7	Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Subkumpulan Makanan & Minuman, Malaysia <i>Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Subgroup Food & Beverages, Malaysia</i>	58
8	Perubahan Peratus Tahun ke Tahun Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Subkumpulan Makanan & Minuman, Malaysia <i>Percentage Change Year-on-Year of Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Subgroup Food & Beverages, Malaysia</i>	59
9	Perubahan Peratus Bulan ke Bulan Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Subkumpulan Makanan & Minuman, Malaysia <i>Percentage Change Month-on-Month of Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Subgroup Food & Beverages, Malaysia</i>	60
10	Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Barang Tahan Lama, Semi Tahan Lama, Tidak Tahan Lama dan Perkhidmatan, Malaysia <i>Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Durable, Semi-Durable, Non-Durable Goods and Services, Malaysia</i>	61
11	Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama dan Perubahan Peratus Kawasan Bandar, Malaysia <i>Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Main Group and Percentage Change Urban, Malaysia</i>	62
12	Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Subkumpulan Makanan & Minuman dan Perubahan Peratus Kawasan Bandar, Malaysia <i>Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Subgroup Food & Beverages and Percentage Change for Urban, Malaysia</i>	62

SENARAI JADUAL

LIST OF TABLES

		Muka Surat Page
13	Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama Kawasan Bandar, Malaysia <i>Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Main Group Urban, Malaysia</i>	63
14	Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Subkumpulan Makanan & Minuman Kawasan Bandar, Malaysia <i>Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Subgroup Food & Beverages Urban, Malaysia</i>	64
15	Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama dan Perubahan Peratus Kawasan Luar Bandar, Malaysia <i>Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Main Group and Percentage Change Rural, Malaysia</i>	65
16	Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Subkumpulan Makanan & Minuman dan Perubahan Peratus Kawasan Luar Bandar, Malaysia <i>Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Subgroup Food & Beverages and Percentage Change Rural, Malaysia</i>	65
17	Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama Kawasan Luar Bandar, Malaysia <i>Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Main Group Rural, Malaysia</i>	66
18	Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Subkumpulan Makanan & Minuman Kawasan Luar Bandar, Malaysia <i>Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Subgroup Food and Non- Alcoholic Beverages Rural, Malaysia</i>	67
19	Indeks Harga Pengguna (2010 = 100), Nombor Indeks Kumpulan Utama Kumpulan Pendapatan Bawah RM3,000, Malaysia <i>Consumer Price Index (2010 = 100), Index Numbers for Main Group Income Groups Below RM3,000, Malaysia</i>	68
20	Indeks Harga Pengguna (2010 = 100), Nombor Indeks Subkumpulan Makanan & Minuman Kumpulan Pendapatan Bawah RM3,000, Malaysia <i>Consumer Price Index (2010 = 100), Index Numbers for Subgroup Food and Non-Alcoholic Beverages Income Groups Below RM3,000, Malaysia</i>	68
21	Indeks Harga Pengguna (2010 = 100), Nombor Indeks Kumpulan Utama Kumpulan Pendapatan Bawah RM3,000, Malaysia <i>Consumer Price Index (2010 = 100), Index Numbers for Main Group Income Groups Below RM3,000, Malaysia</i>	69
22	Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Subkumpulan Makanan & Minuman Kumpulan Pendapatan Bawah RM3,000, Malaysia <i>Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Subgroup Food & Beverages Income Groups Below RM3,000, Malaysia</i>	70
23	Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama Subkumpulan Utama, Kelas Perbelanjaan dan Perubahan Peratus, Malaysia <i>Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Main Group, Subgroup, Expenditure Class and Percentage Change, Malaysia</i>	71

SENARAI JADUAL

LIST OF TABLES

	Muka Surat <i>Page</i>	
<hr/> INDEKS NEGERI <i>STATES INDICES</i>		
1	Perubahan Peratus Indeks Harga Pengguna (2010=100), Kumpulan Utama mengikut Negeri <i>Percentage Change Consumer Price Index (2010=100), Main Group by State</i>	81
2	Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama Mengikut Negeri <i>Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Main Group by State</i>	82
<hr/> INDEKS TERAS <i>CORE INDEX</i>		
1	Indeks Teras (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama, Malaysia <i>Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Main Group, Malaysia</i>	93
2	Indeks Teras (2010=100), Perubahan Peratus Tahunan Kumpulan Utama, Malaysia <i>Core Index (2010=100), Yearly Percentage Change for Main Group, Malaysia</i>	94



SEPINTAS LALU
AT A GLANCE

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank



INDEKS HARGA PENGGUNA JANUARI 2024

Inflasi Malaysia kekal **1.5%**, kadar yang sama sejak November 2023

INDEKS KESELURUHAN

1.5%

1.5%

INFLASI MENGIKUT KUMPULAN UTAMA

01 Makanan & Minuman



2.0%

2.3%

02 Minuman Alkohol & Tembakau



0.4%

0.6%

03 Pakaian & Kasut



-0.2%

0.0%

04 Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain



2.0%

1.6%

05 Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah



1.0%

1.4%

06 Kesihatan



2.4%

2.5%

07 Pengangkutan



0.7%

0.3%

08 Maklumat & Komunikasi



-2.4%

-3.7%

09 Rekreasi, Sukan & Kebudayaan



0.8%

1.9%

10 Pendidikan



1.7%

2.0%

11 Restoran & Perkhidmatan Penginapan



3.2%

3.7%

12 Insurans & Perkhidmatan Kewangan



0.0%

0.0%

13 Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan



2.5%

2.7%

INFLASI TERAS & TANPA BAHAN API

Inflasi Teras

1.8%

1.9%

Inflasi Tanpa Bahan Api

1.5%

1.6%

INFLASI BANDAR & LUAR BANDAR



Bandar

1.5%

1.5%



Luar Bandar

1.6%

1.5%

INFLASI SUBKUMPULAN MAKANAN & MINUMAN

Makanan di rumah



1.1%

1.3%

Bijirin & produk bijirin



2.7%

3.0%

Daging



1.4%

1.0%

Ikan & makanan laut lain



-1.8%

-0.7%

Susu, produk tenusu lain & telur



2.5%

2.6%

Minyak & lemak



-0.2%

0.1%

Buah-buahan & kacang



2.0%

2.0%

Sayur-sayuran



2.2%

0.8%

Gula, manisan & pencuci mulut



1.8%

2.2%

Makanan di luar rumah



3.1%

3.4%

Nota:

Januari 2024


Disember 2023




CONSUMER PRICE INDEX

JANUARY 2024


Malaysia's inflation remained at **1.5%**, the same rate since November 2023



INFLATION BY MAIN GROUP



INFLATION FOR SUBGROUP OF FOOD & BEVERAGES



Note:
 January 2024
 December 2023

Ikan, Daging & Makanan Laut

Fish, Meat & Seafood

HARGA PURATA

Item Terpilih

Average Price for Selected Items

Ayam
Chicken



RM **10.33** /KG

DISEMBER / DECEMBER 2023
RM 10.18

Daging
Beef



RM **38.04** /KG

DISEMBER / DECEMBER 2023
RM 38.08

Ikan Cencaru
Torpedo Scad



RM **11.11** /KG

DISEMBER / DECEMBER 2023
RM 11.06

Ikan Kembung
Indian Mackerel



RM **16.44** /KG

DISEMBER / DECEMBER 2023
RM 16.50

Ikan Bawal Hitam
Black Pomfret



RM **27.70** /KG

DISEMBER / DECEMBER 2023
RM 29.02

Ikan Tongkol Hitam
Longtail Tuna



RM **13.49** /KG

DISEMBER / DECEMBER 2023
RM 13.50

Ikan Tenggiri Papan
Spanish Mackerel



RM **29.16** /KG

DISEMBER / DECEMBER 2023
RM 30.40

Ikan Tenggiri Batang
Narrow-Bared Spanish Mackerel



RM **34.99** /KG

DISEMBER / DECEMBER 2023
RM 35.51

Ikan Selar Kuning
Yellow Stripe Scad



RM **13.39** /KG

DISEMBER / DECEMBER 2023
RM 13.03

Ikan Selar
Yellowtail Scad



RM **17.94** /KG

DISEMBER / DECEMBER 2023
RM 18.13

Ikan Merah
Red Snapper



RM **39.43** /KG

DISEMBER / DECEMBER 2023
RM 37.95

Udang
Prawn (8-12cm)



RM **32.22** /KG

DISEMBER / DECEMBER 2023
RM 32.92

Kerang
Cockles



RM **15.03** /KG

DISEMBER / DECEMBER 2023
RM 15.51

Ketam
Crab



RM **32.64** /KG

DISEMBER / DECEMBER 2023
RM 33.20

Sotong
Cuttlefish (10-12cm)



RM **30.45** /KG

DISEMBER / DECEMBER 2023
RM 31.16

Sayur-Sayuran
Vegetables

HARGA
PURATA

Item Terpilih
Average Price for Selected Items

Nota : * Item tambahan bermula Januari 2024
Npte : * Additional item starting January 2024

Bayam
Spinach

RM **6.20** /KG

DISEMBER / DECEMBER 2023
RM 6.02



Kubis Bunga
Cauliflower

RM **9.51** /KG

DISEMBER / DECEMBER 2023
RM 9.79



Cili Padi Burung
Bird's Eye Chilli

RM **3.65** /200 GM

DISEMBER / DECEMBER 2023
RM 3.02



Cili Merah Kulai
Red Chilli (Kulai)

RM **18.91** /KG

DISEMBER / DECEMBER 2023
RM 18.91



Cili Merah (Minyak)
Red Chilli (Minyak)

RM **16.67** /KG

DISEMBER / DECEMBER 2023
RM 17.42



Kacang Panjang
Long Beans

RM **8.03** /KG

DISEMBER / DECEMBER 2023
RM 7.39



Kacang Buncis
French Beans

RM **12.78** /KG

DISEMBER / DECEMBER 2023
RM 11.45



Kubis Bulat
Round Cabbage

RM **4.48** /KG

DISEMBER / DECEMBER 2023
RM 4.61



Sawi Jepun*
Japanese Mustard*

RM **7.33** /KG

DISEMBER / DECEMBER 2023
RM -



Tomato
Tomato

RM **7.66** /KG

DISEMBER / DECEMBER 2023
RM 7.06



Lobak Merah
Carrot

RM **4.53** /KG

DISEMBER / DECEMBER 2023
RM 4.50



Timun
Cucumber

RM **4.41** /KG

DISEMBER / DECEMBER 2023
RM 4.38



Kailan
Chinese Kile

RM **9.26** /KG

DISEMBER / DECEMBER 2023
RM 9.60



Bendi
Lady's Finger

RM **8.72** /KG

DISEMBER / DECEMBER 2023
RM 8.26



Terung
Brinjal

RM **8.98** /KG

DISEMBER / DECEMBER 2023
RM 7.82



Buah-Buahan

Fruits

HARGA PURATA

Item Terpilih

Average Price for Selected Items

Nota: *Item tambahan bermula Januari 2024
Nte: *Additional item starting January 2024



Epal Kulit Merah
Apple (Red Skin)

RM **1.47** /BIJ

DISEMBER / DECEMBER 2023
RM 1.47



Betik
Papaya

RM **4.83** /KG

DISEMBER / DECEMBER 2023
RM 4.93



Pisang Emas
Banana, Emas

RM **5.59** /KG

DISEMBER / DECEMBER 2023
RM 5.70



Tembikai Susu*
Honeydew*

RM **6.19** /KG

DISEMBER / DECEMBER 2023
RM -



Epal Fuji
Fuji Apple

RM **2.31** /BIJ

DISEMBER / DECEMBER 2023
RM 2.30



Epal Kulit Hijau
Apple (Green Skin)

RM **1.36** /BIJ

DISEMBER / DECEMBER 2023
RM 1.34



Tembikai Tanpa Biji
Watermelon (Seedless)

RM **4.34** /KG

DISEMBER / DECEMBER 2023
RM 3.66



Jambu Batu
Guava

RM **6.88** /KG

DISEMBER / DECEMBER 2023
RM 6.73



Pisang Berangan
Banana, Berangan

RM **6.35** /KG

DISEMBER / DECEMBER 2023
RM 6.38



Nanas
Pineapple

RM **5.09** /KG

DISEMBER / DECEMBER 2023
RM 5.10



Lemon

RM **1.49** /BIJ

DISEMBER / DECEMBER 2023
RM 1.53

RINGKASAN PENEMUAN

SUMMARY OF FINDINGS

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank

INFLASI MALAYSIA PADA JANUARI 2024 KEKAL 1.5 PERATUS, KADAR YANG SAMA SEJAK NOVEMBER 2023

Bermula keluaran Januari 2024, bakul barangan dan perkhidmatan IHP telah dikemaskini berdasarkan Survei Perbelanjaan Isi Rumah (HES) yang dijalankan bagi tempoh dua belas bulan rujukan iaitu dari Januari hingga Disember 2022. Pengemaskinian bakul ini disarankan oleh *International Monetary Fund* (IMF) dan merupakan amalan yang dilaksanakan oleh Organisasi Statistik Antarabangsa untuk memastikan statistik yang diterbitkan mencerminkan corak perbelanjaan terkini pengguna.

Pengemaskinian bakul barangan dan perkhidmatan IHP ini turut mengambil kira pengelasan semula dan peluasan kod item termasuk penambahbaikan, pertukaran dan perubahan kod daripada 12 kumpulan utama sebelum ini kepada 13 kumpulan utama. Ini adalah selaras dengan garis panduan *Classification of Individual Consumption According to Purpose* (COICOP) terkini daripada *United Nations* yang diterbitkan pada Mac 2018. Penyusunan IHP adalah berdasarkan *Consumer Price Index Manual (Concepts and Methods)* 2020 oleh IMF.


Inflasi Malaysia pada Januari 2024 kekal 1.5 peratus, kadar yang sama sejak november 2023. Mata indeks mencatatkan 131.4 berbanding 129.5 pada bulan yang sama tahun sebelumnya (**Carta 1**).

Peningkatan inflasi ini telah didorong oleh peningkatan bagi kumpulan utama Restoran & Perkhidmatan Penginapan, 3.2 peratus (Disember 2023: 3.7%), Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan, 2.5 peratus (Disember 2023:

2.7%), Kesihatan, 2.4 peratus (Disember 2023: 2.5%), Makanan & Minuman, 2.0 peratus (Disember 2023: 2.3%) dan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain, 2.0 peratus (Disember 2023: 1.6%).


Selain itu, kenaikan ini turut disebabkan oleh kenaikan kumpulan utama Pendidikan (1.7%), Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (1.0%); Rekreasi, Sukan & Kebudayaan (0.8%); Pengangkutan (0.7%) dan Minuman Alkohol & Tembakau (0.4%). Manakala Maklumat & Komunikasi menurun kepada negatif 2.4 peratus dan Insurans & Perkhidmatan Kewangan kekal tidak berubah berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya.

Carta 1 Inflasi Keseluruhan Malaysia, Januari 2023 – Januari 2024



Inflasi keseluruhan secara bulanan pada Januari 2024 meningkat 0.2 peratus, berkadaran sama seperti Disember 2023. Peningkatan ini didorong oleh Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain, 0.4 peratus (Disember 2023: 0.0%) dan Makanan & Minuman, 0.3 peratus (Disember 2023: 0.3%) dan Kesihatan dan Pendidikan masing-masing meningkat 0.2 peratus. Namun, indeks Maklumat & Komunikasi dan Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah tidak mencatatkan sebarang peningkatan dan seterusnya, telah mengimbangi peningkatan inflasi (**Carta 2**).


Carta 2 Inflasi mengikut Kumpulan Utama, Disember 2023 & Januari 2024



Inflasi Teras

Inflasi teras mengukur perubahan dalam harga barang dan perkhidmatan, tidak termasuk makanan segar yang harganya tidak menentu serta harga barangan kawalan oleh kerajaan. Inflasi teras pada Januari 2024 meningkat lebih rendah kepada 1.8 peratus berbanding 1.9 peratus pada Disember 2023, dan melepasi kadar inflasi negara (1.5%) (**Carta 3**).

Peningkatan ini didorong terutamanya oleh Restoran & Perkhidmatan Penginapan dan Makanan & Minuman masing-masing mencatatkan peningkatan 3.2 peratus dan 2.9 peratus, diikuti oleh Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (2.5%); Kesihatan (2.4%); Pengangkutan (2.1%); Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (1.8%) dan Pendidikan (1.7%)



Inflasi tanpa Bahan Api


Inflasi tanpa bahan api menyederhana 1.5 peratus pada Januari 2024 kepada 121.8 berbanding 120.0 pada bulan yang sama tahun sebelumnya (**Carta 3**). Inflasi tanpa Bahan Api meliputi semua barang dan perkhidmatan kecuali Petrol tanpa plumbum RON95, Petrol tanpa plumbum RON97 dan Diesel.

PRESTASI KESELURUHAN TAHUN KE TAHUN

Terdapat 60.2 peratus daripada item (345 daripada 573) merekodkan kenaikan harga. Namun begitu, daripada jumlah tersebut 336 item (97.4%) mencatatkan peningkatan kurang dan sama dengan 10 peratus, manakala 9 item merekodkan kenaikan melebihi 10 peratus pada Januari 2024. Sementara itu, 130 item (22.7%) menunjukkan penurunan dan 36 item kekal tidak berubah. Tambahan pula, sebanyak 62 item baharu yang dikemaskini bermula Januari 2024. Pada tahap tertentu, item yang harganya dikawal oleh kerajaan telah meredakan kadar inflasi pada Januari 2024. Antara item kawalan kerajaan yang kekal tidak berubah berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya ialah Petrol tanpa plumbum RON95, Diesel dan Bayaran tol.


Antara barangan yang menunjukkan peningkatan adalah Bayaran pembetulan (58.7%), Halia (29.8%), Bawang putih (27.3%), Barang kemas (16.2%) dan Bawang merah besar (15.8%) manakala Surat khabar dan Yuran institusi pendidikan awam kekal tidak berubah (**Carta 4**).

Carta 4 Inflasi mengikut Kuadran, Disember 2023 & Januari 2024



Nota: Bermula Januari 2024, terdapat 62 item baharu dikemaskini dalam bakul CPI

Carta 5 Taburan Inflasi Makanan dan Bukan Makanan yang Meningkat \leq 10%, Disember 2023 & Januari 2024




Carta 5 menunjukkan taburan inflasi Makanan dan Bukan Makanan bagi Januari 2024 berbanding Disember 2023 dalam julat peningkatan 10 peratus dan ke bawah. Daripada 335 item yang mengalami peningkatan 10 peratus dan ke bawah, sebanyak 154 item adalah Makanan. Antaranya adalah Minyak zaitun asli (11.9%), Mayonis (10.6%), Cili segar (10.0%), Beras import (9.6%), Daging khinzir (8.6%). Sementara itu, 181 item adalah Bukan Makanan seperti Tiket panggung wayang (6.1%), Yuran bulanan tadika (6.0%), Serbuk pencuci (5.0%), Servis kereta (5.0%) dan Perkhidmatan untuk klinik swasta (4.3%).

INFLASI KUMPULAN UTAMA MENINGKAT PERLAHAN

Makanan & Minuman

Kumpulan Makanan & Minuman menyumbang 29.8 peratus daripada keseluruhan wajaran Indeks Harga Pengguna (IHP) merekodkan peningkatan yang lebih perlahan iaitu 2.0 peratus berbanding Disember 2023 (2.3%). Daripada 247 item Makanan, sebanyak 160 item (64.8%) telah merekodkan kenaikan harga berbanding Januari 2023. Subkumpulan utama Makanan di rumah yang menyumbang 53.5 peratus daripada wajaran kumpulan Makanan & Minuman mencatatkan peningkatan lebih rendah kepada 1.1 peratus berbanding 1.3 peratus pada Disember 2023 (**Carta 6**).



Sementara subkumpulan utama Makanan di luar rumah menyederhana kepada 3.1 peratus berbanding 3.4 peratus pada Disember 2023, kebanyakan item Makanan di luar rumah meningkat lebih perlahan pada bulan ini. Item-item tersebut termasuk Burger, 10.7 peratus (Disember 2023: 11.9%); Nasi putih, 5.7 peratus (Disember 2023: 6.1%); Nasi babi panggang, 4.5 peratus (Disember 2023: 4.8%); Ayam panggang, 4.1 peratus (Disember 2023: 5.2%) dan Masakan berasaskan mi, 4.1 peratus (Disember 2023: 4.3%). Antara Makanan di luar rumah yang meningkat lebih tinggi berbanding Disember 2023 adalah Nasi lemak, 5.1 peratus (Disember 2023: 5.0%) dan Nasi beriani, 4.7 peratus (Disember 2023: 3.8%).

Jadual 1 Inflasi bagi Subkumpulan Utama Makanan & Minuman

Kumpulan Utama	Indeks		Perubahan Peratus (%)	
	Dis 2023	Jan 2024	Jan 2024 / Dis 2023	Jan 2024 / Jan 2023
Makanan & Minuman	153.0	153.5	0.3	2.0
Makanan	154.4	154.9	0.3	2.0
Makanan di luar rumah	166.2	166.8	0.4	3.1
Makanan di rumah	146.8	147.2	0.3	1.1
Bijirin & produk bijirin	124.8	124.8	0.0	2.7
Daging	149.0	150.0	0.7	1.4
Ikan & makanan laut lain	165.3	164.7	-0.4	-1.8
Susu, produk tenusu lain & telur	144.4	144.6	0.1	2.5
Minyak & lemak	126.8	126.4	-0.3	-0.2
Buah-buahan & kacang	146.2	146.8	0.4	2.0
Sayur-sayuran	153.7	157.0	2.1	2.2
Gula, manisan & pencuci mulut	143.8	144.0	0.1	1.8
Makanan sedia dimakan & produk makanan lain t.t.t.l.	158.0	158.0	0.0	2.9
Minuman bukan alkohol	122.3	122.5	0.2	2.7
Jus buah-buahan & sayur-sayuran	118.6	118.3	-0.3	0.8
Kopi & pengganti kopi	123.3	123.9	0.5	1.4
Teh	122.0	122.3	0.2	4.0
Minuman koko	122.2	121.9	-0.2	1.1
Air	122.4	122.8	0.3	7.2
Minuman ringan	116.3	117.2	0.8	2.2
Minuman tidak beralkohol lain	134.0	133.7	-0.2	7.9

Peningkatan perlahan subkumpulan utama Makanan di rumah kepada 1.1 peratus adalah disumbangkan oleh kelas perbelanjaan Bijirin & produk bijirin, 2.7 peratus (Disember 2023: 3.0%); Susu, produk tenusu lain & telur, 2.5 peratus (Disember 2023: 2.6%); Sayur-sayuran, 2.2 peratus (Disember 2023: 0.8%); Gula, manisan & pencuci mulut, 1.8 peratus (Disember 2023: 2.2%) dan Daging, 1.4 peratus (Disember 2023: 1.0%). Namun begitu, Ikan & makanan laut lain dan Minyak & lemak masing-masing merekodkan penurunan kepada negatif 1.8 peratus dan negatif 0.2 peratus (**Jadual 1**).

Kelas perbelanjaan Daging meningkat kepada 1.4 peratus berbanding Disember 2023 (1.0%). Peningkatan ini disumbangkan oleh Daging khinzir, 8.6 peratus (Disember 2023: 10.4%), Daging itik, 1.4 peratus (Disember 2023: 2.3%) dan Daging lembu tempatan, 0.6 peratus (Disember 2023: 1.4%). Walau bagaimanapun, Daging ayam segar yang merupakan komponen terbesar merangkumi 32.6 peratus dalam subkumpulan Daging mula mencatatkan peningkatan kepada 0.8 peratus berbanding negatif 1.4 peratus pada bulan Disember 2023. Purata harga ayam standard Malaysia meningkat kepada RM10.33 sekilogram berbanding RM10.30 sekilogram pada bulan Januari 2023 (Disember 2023: RM10.18).

Selain itu, kelas perbelanjaan Bijirin & produk bijirin merekodkan peningkatan lebih perlahan kepada 2.7 peratus pada Januari 2024 berbanding Disember 2023 (3.0%). Peningkatan ini disumbangkan oleh item Beras import dan Beras wangi import yang masing-masing mencatatkan peningkatan 9.6 peratus (Disember 2023: 10.1%) dan 6.6 peratus (Disember 2023: 6.0%). Manakala, item Tepung gandum menurun kepada negatif 3.8 peratus (Disember 2023: -3.5%).

Kelas perbelanjaan Susu, produk tenusu lain & telur mencatatkan peningkatan sebanyak 2.5 peratus pada bulan Januari 2024 (Disember 2023: 2.6%). Kenaikan yang lebih rendah telah dicatatkan bagi subkelas perbelanjaan Telur (0.6%). Selain itu, subkelas perbelanjaan Susu asli & susu yang dibancuh meningkat lebih tinggi kepada 3.2 peratus berbanding Disember 2023 (2.5%). Sementara itu, kelas perbelanjaan Minyak & lemak kembali mencatatkan penurunan marginal kepada negatif 0.2 peratus (Disember 2023: 0.1%). Subkelas perbelanjaan Minyak sayuran terus menurun kepada negatif 0.9 peratus (Disember 2023: -0.7%).

Kelas perbelanjaan Sayur-sayuran merekodkan peningkatan lebih tinggi kepada 2.2 peratus pada bulan Januari 2024 berbanding Disember 2023 (0.8%). Peningkatan ini seiring dengan peningkatan bulan ke bulan kelas perbelanjaan ini kepada 2.1 peratus berbanding 1.3 peratus yang dicatatkan pada Disember 2023. Peningkatan harga bagi beberapa jenis sayur-sayuran adalah kesan daripada keadaan cuaca yang tidak menentu ketika musim tengkujuh menyebabkan bekalan sayur tempatan yang tidak mencukupi. Antara sayur-sayuran yang merekodkan kenaikan tahun ke tahun adalah Bawang putih, 27.3 peratus (Disember 2023: 24.6%) dan Bawang merah besar, 15.8 peratus (Disember 2023: 7.0%). Manakala, sayur-sayuran yang merekodkan peningkatan ketara bulan ke bulan adalah Terung, 9.5 peratus (Disember 2023: 1.0%); Bawang merah besar, 9.5 peratus (Disember 2023: 2.7%); Tomato, 8.1 peratus (Disember 2023: 5.9%) dan Kacang buncis, 7.5 peratus (Disember 2023: 1.8%).

Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain

Jadual 2 Inflasi bagi Subkumpulan Utama Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain

Kumpulan Utama	Indeks		Perubahan Peratus (%)	
	Dis 2023	Jan 2024	Jan 2024 / Dis 2023	Jan 2024 / Jan 2023
Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain	126.0	126.5	0.4	2.0
Sewa sebenar untuk kediaman	132.4	132.4	0.0	1.9
Penyelenggaraan, pembaikan & keselamatan rumah kediaman	136.7	136.7	0.0	0.4
Bekalan air & pelbagai perkhidmatan berkaitan dengan rumah kediaman	108.0	116.0	7.4	9.3
Elektrik, gas & bahan api	98.0	98.0	0.0	0.0

Inflasi bagi kumpulan utama Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain meningkat 2.0 peratus berbanding Disember 2023 (1.6%). Peningkatan ini didorong oleh peningkatan lebih tinggi subkumpulan Bekalan air & pelbagai perkhidmatan berkaitan dengan rumah kediaman (9.3%) berbanding Disember 2023 (2.4%). Peningkatan item Bayaran perkhidmatan pembedaan kepada 58.7 peratus berbanding 7.7 peratus pada Disember 2023 berikutan kenaikan tarif perkhidmatan pembedaan yang diselaras semula bagi mengimbangi kenaikan kos operasi telah menyumbang kepada peningkatan ini (**Jadual 2**).

Pengangkutan

Jadual 3 Inflasi bagi Subkumpulan Utama Pengangkutan

Kumpulan Utama	Indeks		Perubahan Peratus (%)	
	Dis 2023	Jan 2024	Jan 2024 / Dis 2023	Jan 2024 / Jan 2023
Pengangkutan	121.3	121.2	-0.1	0.7
Pembelian kenderaan	97.0	97.0	0.0	0.3
Pengurusan peralatan pengangkutan persendirian	125.9	126.1	0.2	1.2
Perkhidmatan pengangkutan awam	123.4	120.2	-2.6	-4.5
Perkhidmatan pengangkutan barangan	-	121.3	-	-

Inflasi kumpulan utama Pengangkutan mencatatkan peningkatan marginal 0.7 peratus pada Januari 2024 berbanding yang direkodkan pada Disember 2023 (0.3%). Peningkatan ini disumbangkan oleh subkumpulan utama Pengurusan pengangkutan alat persendirian yang meningkat kepada 1.2 peratus (Disember 2023: 0.8%) pada Januari 2024. Kelas perbelanjaan Bahan api & pelincir untuk kelengkapan pengangkutan persendirian meningkat kepada 0.4 peratus berbanding Disember 2023 (-0.3%) (**Jadual 3**). Peningkatan ini seiring dengan peningkatan purata harga Petrol tanpa plumbum RON97 (RM3.47 seliter) berbanding Januari 2023 (RM3.35 seliter) (**Jadual 4**).

Selain itu, Pembelian kenderaan meningkat marginal kepada 0.3 peratus. Walau bagaimanapun, Perkhidmatan pengangkutan awam mencatatkan penurunan iaitu negatif 4.5 peratus (Disember 2023: -5.7%). Penurunan bagi subkumpulan Perkhidmatan pengangkutan awam disumbangkan oleh kelas perbelanjaan Pengangkutan penumpang melalui udara (-12.8%).

Jadual 4 Purata Harga dan Peratus Perubahan Tahun ke Tahun bagi Bahan Api, Januari 2023 – Januari 2024

Tahun	Bulan	Minyak mentah, Brent		Petrol tanpa plumbum RON97		Petrol tanpa plumbum RON95		Diesel	
		\$AS/ Setong	%	RM/ Liter	%	RM/ Liter	%	RM/ Liter	%
2023	Jan	83.09	-2.9	3.35	9.5	2.05	0.0	2.15	0.0
	Feb	82.71	-13.6	3.35	4.4	2.05	0.0	2.15	0.0
	Mac	78.53	-32.1	3.35	-10.2	2.05	0.0	2.15	0.0
	Apr	84.11	-20.5	3.35	-12.8	2.05	0.0	2.15	0.0
	Mei	75.70	-32.6	3.35	-21.4	2.05	0.0	2.15	0.0
	Jun	74.89	-37.6	3.37	-29.4	2.05	0.0	2.15	0.0
	Jul	80.10	-26.5	3.37	-28.8	2.05	0.0	2.15	0.0
	Ogos	86.16	-12.6	3.37	-23.4	2.05	0.0	2.15	0.0
	Sep	94.00	4.3	3.40	-18.3	2.05	0.0	2.15	0.0
	Okt	91.06	-2.2	3.47	-12.4	2.05	0.0	2.15	0.0
	Nov	83.18	-8.7	3.47	-12.2	2.05	0.0	2.15	0.0
	Dis	77.86	-3.8	3.47	-3.6	2.05	0.0	2.15	0.0
2024	Jan	80.23	-3.4	3.47	3.6	2.05	0.0	2.15	0.0

Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah

Jadual 5 Inflasi bagi Subkumpulan Utama Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah

Kumpulan Utama	Indeks		Perubahan Peratus (%)	
	Dis 2023	Jan 2024	Jan 2024 / Dis 2023	Jan 2024 / Jan 2023
Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah	126.1	126.1	0.0	1.0
Perabot, kelengkapan & permaidani	131.8	131.9	0.1	0.2
Tekstil isi rumah	93.1	93.1	0.0	-0.1
Perkakas isi rumah	113.2	113.1	-0.1	-0.4
Barang kaca, pinggan mangkuk & peralatan dapur isi rumah	110.5	110.3	-0.2	-0.1
Alat pertukangan & peralatan untuk rumah & kebun	114.6	115.2	0.5	1.6
Barangan & perkhidmatan penyelenggaraan isi rumah	132.3	132.3	0.0	2.2

Inflasi bagi Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah mencatatkan peningkatan lebih rendah kepada 1.0 peratus pada Januari 2024 berbanding Disember 2023 (1.4%). Peningkatan ini disumbangkan oleh subkumpulan utama Barangan & perkhidmatan penyelenggaraan isi rumah (2.2%) dan Alat pertukangan & peralatan untuk rumah & kebun (1.6%). Antara item

Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah yang mencatatkan peningkatan adalah Pelembut termasuk pewangi kain (7.8%), Serbuk pencuci (5.0%), Lingkaran ubat nyamuk (4.0%) ,Sabun pencuci (2.8%) dan Mentol lampu elektrik (2.7%), (**Jadual 5**).

Restoran & Perkhidmatan Penginapan

Jadual 6 Inflasi bagi Subkumpulan Utama Restoran & Perkhidmatan Penginapan

Kumpulan Utama	Indeks		Perubahan Peratus (%)	
	Dis 2023	Jan 2024	Jan 2024 / Dis 2023	Jan 2024 / Jan 2023
Restoran & Perkhidmatan Penginapan	149.2	149.1	-0.1	3.2
Perkhidmatan penyediaan minuman	155.5	155.8	0.2	3.5
Perkhidmatan penginapan	110.2	109.3	-0.8	2.5


Inflasi Restoran & Perkhidmatan Penginapan meningkat lebih perlahan kepada 3.2 peratus pada bulan Januari 2024 berbanding 3.7 peratus pada Disember 2023, disumbangkan oleh peningkatan subkumpulan utama Perkhidmatan penyediaan minuman, 3.5 peratus (Disember 2023: 4.0%) dan subkumpulan utama Perkhidmatan penginapan, 2.5 peratus (Disember 2023: 2.4%) (**Jadual 6**).

INFLASI MENGIKUT NEGERI

Kebanyakan negeri merekodkan peningkatan di bawah paras nasional 1.5 peratus dengan Negeri Sembilan dan Kelantan merekodkan peningkatan paling rendah sebanyak 0.9 peratus pada Januari 2024. Walau bagaimanapun, enam negeri merekodkan peningkatan melebihi paras inflasi nasional iaitu Wilayah Persekutuan Putrajaya (2.7%), Sarawak (1.9%), Selangor (1.8%), Pulau Pinang (1.8%), Pahang (1.7%) dan Perlis (1.6%).

Kesemua negeri mencatatkan peningkatan inflasi Makanan & Minuman. Peningkatan ini dicatatkan oleh Wilayah Persekutuan Labuan iaitu 3.6 peratus, diikuti oleh Pahang (3.0%), Wilayah Persekutuan Putrajaya (2.8%), Sarawak (2.7%), Pulau Pinang (2.7%) dan Selangor (2.6%), manakala, negeri-negeri lain menunjukkan peningkatan di bawah paras nasional bagi inflasi Makanan & Minuman iaitu 2.0 peratus pada Januari 2024 (**Carta 7**).


Carta 7 Inflasi mengikut Negeri, Disember 2023 & Januari 2024



INFLASI BAGI BANDAR DAN LUAR BANDAR

Inflasi Bandar meningkat kepada 1.5 peratus pada Januari 2024 (Disember 2023: 1.5%) terutamanya disebabkan oleh peningkatan kumpulan Restoran & Perkhidmatan Penginapan (3.4%), Kesihatan (2.6%), Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (2.5%) dan Makanan & Minuman (2.0%). Ini diikuti oleh Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (2.0%) dan Pendidikan (1.8%). Bagi perbandingan bulanan, inflasi Bandar meningkat 0.2 peratus berkadaran sama seperti Disember 2023.

Carta 8 Inflasi bagi Kawasan Bandar dan Luar Bandar, Malaysia, Januari 2023 – Januari 2024



Inflasi Luar bandar meningkat sebanyak 1.6 peratus (Disember 2023: 1.5%), disumbangkan terutamanya oleh peningkatan Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (2.7%); Makanan & Minuman (2.2%); Restoran & Perkhidmatan Penginapan (2.2%) dan Kesihatan (1.3%). Selain itu, kedua-dua kumpulan utama Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah dan Pendidikan masing-masing meningkat sebanyak 1.0 peratus, diikuti oleh Pengangkutan (0.8%); Rekreasi, Sukan & Kebudayaan (0.7%) dan Minuman Alkohol & Tembakau (0.5%). Bagi perbandingan bulanan, inflasi Luar bandar meningkat 0.2 peratus (Disember 2023: 0.2%) **(Carta 8)**.


Jadual 7 Indeks dan Inflasi Kawasan Bandar dan Luar Bandar mengikut Kumpulan Utama, Disember 2023 & Januari 2024

Kumpulan Utama	Bandar				Luar Bandar			
	Dis 2023		Jan 2024		Dis 2023		Jan 2024	
	Indeks	%	Indeks	%	Indeks	%	Indeks	%
Jumlah	132.0	1.5	132.2	1.5	126.8	1.5	127.1	1.6
Makanan & Minuman	156.4	2.3	156.8	2.0	141.1	2.1	141.8	2.2
Minuman Alkohol & Tembakau	169.9	0.7	169.8	0.4	175.8	0.5	175.8	0.5
Pakaian & Kasut	91.6	0.0	91.5	-0.2	99.8	0.2	99.9	0.2
Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain	127.0	1.7	127.5	2.0	120.7	1.5	121.0	1.7
Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah	128.0	1.3	128.0	0.9	117.2	1.2	117.2	1.0
Kesihatan	130.9	2.8	131.2	2.6	124.1	1.5	124.3	1.3
Pengangkutan	122.2	0.3	122.1	0.7	117.0	0.6	117.0	0.8
Maklumat & Komunikasi	93.3	-4.0	93.3	-2.5	96.9	-1.8	96.9	-1.1
Rekreasi, Sukan & Kebudayaan	117.9	1.7	117.3	0.3	116.3	2.8	115.1	-0.3
Pendidikan	126.3	2.0	126.5	1.8	118.3	1.7	118.3	1.0
Restoran & Perkhidmatan Penginapan	152.0	3.9	151.9	3.4	134.4	2.6	134.5	2.2
Insurans & Perkhidmatan Kewangan	109.6	0.0	109.6	0.0	112.7	0.0	112.7	0.0
Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan	123.2	2.7	123.3	2.5	122.2	2.9	122.3	2.7


INFLASI KUMPULAN PENDAPATAN BAWAH RM3,000

Inflasi bagi kumpulan pendapatan di bawah RM3,000 meningkat pada kadar perlahan pada 1.6 peratus (Disember 2023: 1.7%) (**Carta 9**). Peningkatan ini disumbangkan oleh peningkatan kumpulan Restoran & Perkhidmatan Penginapan kepada 3.4 peratus, diikuti oleh Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (2.2%); Kesihatan (2.1%) dan Makanan & Minuman (1.8%).

Carta 9 Inflasi bagi Kumpulan Pendapatan Bawah RM3,000, Januari 2023 – Januari 2024



Carta 10 Inflasi Makanan Terpilih bagi Kumpulan Pendapatan Bawah RM3,000, Januari 2023 – Januari 2024



INFLASI MENGIKUT NEGARA TERPILIH

Inflasi Zon Euro mereda kepada 2.8 peratus pada Januari 2024 berbanding Disember 2023 (2.9%). Ini didorong oleh peningkatan sederhana bagi inflasi Makanan, alkohol & tembakau kepada 5.7 peratus (Disember 2023: 6.1%) dan Perindustrian bukan tenaga, 2.0 peratus (Disember 2023: 2.5%). Inflasi tenaga menurun kepada negatif 6.3 peratus berbanding pada Disember 2023 (-6.7%).

Kadar inflasi di Amerika Syarikat mereda kepada 3.1 peratus pada Januari 2024 berbanding Disember 2023 (3.4%). Harga tenaga menurun negatif 4.6 peratus berbanding negatif 2.0 peratus pada Disember 2023. Walau bagaimanapun, inflasi makanan meningkat pada kadar perlahan kepada 2.6 peratus berbanding 2.7 peratus pada bulan sebelumnya.

Bagi perbandingan dengan negara-negara terpilih di rantau Asia Pasifik, kadar inflasi di Malaysia (1.5%) adalah lebih rendah berbanding inflasi di Republik Korea, Indonesia dan Filipina. Inflasi bagi Republik Korea mencatatkan peningkatan perlahan kepada 2.8 peratus pada Januari 2024 (Disember 2023: 3.2%). Ini disumbangkan oleh penurunan harga kos makanan inflasi bagi Makanan & minuman bukan alkohol kepada 5.9 peratus (Disember 2023: 6.2%).


Kadar inflasi Indonesia meningkat perlahan kepada 2.6 peratus pada Januari 2024 daripada 2.6 peratus pada Disember 2023. Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh inflasi kumpulan Makanan & minuman bukan alkohol, 5.8 peratus (Disember 2023: 6.2%), Pengangkutan, 1.1 peratus (Disember 2023: 1.3%) dan Kesihatan, 1.9 peratus (Disember 2023: 1.9%).

Inflasi Filipina mereda kepada 2.8 peratus pada Disember 2023 berbanding 3.9 peratus pada bulan sebelumnya. Ini disumbangkan terutamanya oleh peningkatan perlahan bagi kumpulan Makanan & minuman bukan alkohol sebanyak 3.9 peratus (Disember 2023: 5.4%), diikuti oleh Minuman alkohol & tembakau, 8.4 peratus (Disember 2023: 9.0%); Restoran & perkhidmatan penginapan, 5.5 peratus (Disember 2023: 5.6%) dan Pakaian & kasut, 3.8 peratus (Disember 2023: 4.2%). Sementara itu, Pengangkutan menurun kepada 0.3 peratus (Disember 2023: 0.4%).

Inflasi Thailand pada Januari 2024 menurun kepada negatif 1.1 peratus (Disember 2023: -0.8%). Inflasi Produk bukan makanan menurun kepada negatif 1.1 peratus berbanding negatif 1.0 peratus pada Disember 2023 disebabkan oleh kos bahan api yang lebih rendah sebagai langkah kerajaan untuk mengurangkan harga tenaga. Manakala, inflasi makanan & minuman bukan alkohol terus menurun kepada negatif 1.1 peratus pada Januari 2024 (Disember 2023: -0.6%).

Sementara itu, inflasi China menurun kepada negatif 0.8 peratus pada Januari 2024 berbanding Januari 2023. Inflasi Makanan menurun kepada negatif 5.9 peratus (December 2023: -3.7%). Manakala, inflasi Bukan makanan juga menurun kepada 0.4 peratus berbanding bulan sebelumnya (0.5%). **(Carta 11)**

Carta 11 Inflasi bagi Negara Terpilih, Januari 2022 – Januari 2024



Jadual 8 Perubahan Peratus bagi Indeks Keseluruhan, Indeks Pelarasan Musim dan Indeks Teras mengikut Kumpulan Utama

Kumpulan Utama	Wajaran	Indeks Keseluruhan			Indeks Pelarasan Musim		Indeks Teras	
		Indeks	Perubahan Peratus		Indeks	Perubahan Peratus Bulan ke Bulan	Wajaran Indeks Teras	Perubahan Peratus Tahun ke Tahun
			Jan 2024	Jan 2024/ Dec 2023				
Total	100.0	131.4	0.2	1.5	131.4	0.2	100	1.8
Makanan & Minuman	29.8	153.5	0.3	2.0	152.9	0.2	25.3	2.9
Minuman Alkohol & Tembakau	1.9	171.5	-0.1	0.4	171.5	-0.1	-	-
Pakaian & Kasut	2.7	93.3	-0.1	-0.2	93.3	-0.1	3.6	-0.2
Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain	23.2	126.5	0.4	2.0	126.3	0.3	24.7	1.8
Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah	4.3	126.1	0.0	1.0	126.1	0.0	5.6	1.0
Kesihatan	2.7	129.8	0.2	2.4	129.8	0.2	3.1	2.4
Pengangkutan	11.3	121.2	-0.1	0.7	121.2	-0.1	6.4	2.1
Maklumat & Komunikasi	6.6	93.8	0.0	-2.4	93.8	0.0	8.5	-2.4
Rekreasi, Sukan & Kebudayaan	3.0	117.8	0.0	0.8	117.8	0.0	3.9	0.8
Pendidikan	1.3	125.5	0.2	1.7	125.4	-0.1	1.7	1.7
Restoran & Perkhidmatan Penginapan	3.4	149.1	-0.1	3.2	149.1	-0.1	4.4	3.2
Insurans & Perkhidmatan Kewangan	4.0	110.2	0.0	0.0	110.2	0.0	5.3	0.0
Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan	5.8	123.2	0.1	2.5	123.2	0.1	7.5	2.5
Bukan Makanan	70.2	122.0	0.0	1.1	-	-	-	-

MALAYSIA'S INFLATION IN JANUARY 2024 REMAINED AT 1.5 PER CENT, THE SAME RATE SINCE NOVEMBER 2023

Starting from January 2024 release, the basket of goods and services of the CPI has been updated based on the Household Expenditure Survey (HES) conducted for the reference period of twelve months from January to December 2022. This exercise follows the recommendation by the International Monetary Fund (IMF) and this practice is carried out by the National Statistical Offices to ensure that official statistics reflect the latest spending patterns of consumers.


The updating of the CPI basket of goods and services also takes into account the reclassification and expansion of item codes including improvements, shifts and code changes from the previous 12 main groups to 13 main groups. These are in line with the latest Classification of Individual Consumption According to Purpose (COICOP) guidelines from the United Nations published in March 2018. The compilation of CPI was using the Consumer Price Index Manual (Concepts and Methods) 2020 by IMF.

Malaysia's inflation in January 2024 remained at 1.5 per cent, the same rate since November 2023. The index points recorded at 131.4 as against 129.5 in the same month of the previous year (**Chart 1**).

2020	1.1	1.2	-	-0.8	1.3	0.3	1.1	0.1	1.1	0.4	1.0	0.5	0.0	2.7
2021	0.7	1.3	-	-0.4	0.6	1.6	0.4	0.7	0.0	0.4	0.2	0.4	0.0	0.5
2022	3.0	5.8	-	0.1	1.4	3.5	0.7	5.6	0.0	2.3	1.1	5.0	0.2	2.0
2023	3.0	5.8	-	0.3	1.9	2.3	2.2	4.4	-3.0	1.5	1.9	5.6	0.1	2.4
2023 JAN	3.9	7.8	-	0.5	1.7	3.5	1.6	6.5	-1.4	2.7	1.3	6.8	0.3	2.3
FEB	3.9	7.6	-	0.4	1.9	3.4	1.8	6.2	-1.4	1.7	1.6	7.4	0.4	2.5
MAC	3.8	7.5	-	0.5	1.9	3.1	2.2	5.7	-1.4	1.8	1.7	7.2	0.4	2.1
APR	3.6	7.2	-	0.5	1.9	3.0	2.1	5.9	-1.4	1.8	1.6	6.6	0.4	2.5
MEI	3.5	7.1	-	0.4	2.1	2.7	1.9	5.3	-3.7	1.8	1.9	6.6	0.4	2.9
JUN	3.1	6.0	-	0.1	2.0	2.3	2.0	4.9	-3.6	1.6	1.9	5.4	0.1	2.7
JUL	2.8	5.4	-	0.1	2.0	1.9	2.0	4.1	-3.7	1.1	2.0	5.1	0.0	2.6
OGO	2.5	5.1	-	0.0	1.7	1.7	2.4	3.6	-3.7	1.0	2.1	4.7	0.0	2.4
SEP	2.5	5.1	-	0.1	1.8	1.5	2.2	2.9	-3.7	0.5	2.0	4.4	0.0	2.5
OKT	2.4	4.8	-	0.0	1.8	1.4	2.4	2.7	-3.7	0.7	2.1	4.6	0.0	2.3
NOV	2.0	3.7	-	0.0	1.8	1.4	2.3	2.3	-3.7	0.6	2.0	4.3	0.0	2.3
DIS	1.9	3.2	-	0.0	1.8	1.4	2.5	2.3	-3.7	1.9	2.0	3.7	0.0	2.7
2024 JAN	1.8	2.9	-	-0.2	1.8	1.0	2.4	2.1	-2.4	0.8	1.7	3.2	0.0	2.5



NOTA TEKNIKAL
TECHNICAL NOTES

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank

NOTA TEKNIKAL

Konsep dan Definisi

Pengenalan

IHP mengukur perubahan peratus kos pembelian mengikut masa bagi “bakul” tetap barangan dan perkhidmatan yang mewakili corak purata pembelian oleh sekumpulan penduduk pada sesuatu tempoh masa yang ditetapkan. “Bakul” ini merujuk kepada barangan dan perkhidmatan yang mempunyai kualiti dan kuantiti yang seakan-akan sama atau tidak berubah, mengandungi item yang berada lama atau boleh di ukur secara berterusan di pasaran berbanding dengan masa. Perubahan harga barangan yang berlaku dalam bakul ini adalah disebabkan oleh perubahan harga yang sebenarnya sahaja, iaitu perubahan harga ini tidak berkaitan langsung dengan perubahan pada kuantiti atau kualiti barangan dan perkhidmatan tersebut.

Barangan dan perkhidmatan yang diliputi dalam “bakul” ini adalah luas, dikelaskan berpandu kepada United Nations “*Classification of Individual Consumption According to Purpose (COICOP)*” dalam tiga belas kumpulan berikut:

- Makanan & Minuman
- Minuman Alkohol & Tembakau
- Pakaian dan Kasut
- Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain
- Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah
- Kesihatan
- Pengangkutan
- Maklumat & Komunikasi
- Rekreasi, Sukan & Kebudayaan
- Pendidikan
- Restoran & Perkhidmatan Penginapan
- Insurans & Perkhidmatan Kewangan
- Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan

Indeks Harga Pengguna dikira mengikut negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Kesemua indeks negeri tersebut digabungkan bagi mengeluarkan indeks Malaysia. Indeks Malaysia ialah indeks komposit berdasarkan wajaran perbelanjaan bagi semua negeri di Malaysia.

Liputan

Bermula daripada keluaran Januari 2024, wajaran yang digunapakai dalam pengiraan Indeks Harga Pengguna adalah merujuk kepada corak perbelanjaan yang diperolehi daripada Survei Perbelanjaan Isi Rumah yang dijalankan pada tahun 2022.

Harga

Harga yang digunakan dalam pengiraan IHP adalah harga runcit atau harga transaksi termasuk semua jenis cukai yang dikenakan ke atas barangan dan perkhidmatan tersebut.

Pungutan ini dilaksanakan setiap bulan bagi kesemua item dan terutamanya bagi barangan makanan mudah rosak, ia dipungut secara bulanan dan juga mingguan. Manakala, bagi sewa rumah, harga dipungut secara suku tahunan.

Pemilihan outlet untuk pungutan harga dibuat secara *purposive* dengan sampel outlet dipilih berdasarkan nilai jualan yang tinggi sebagai asas pemilihan (kecuali bagi sewa rumah). Harga bagi 573 barangan diambil kira dalam pengiraan indeks dan harga ini diperolehi dari 21,300 saluran runcit di Malaysia.

Wajaran

Wajaran yang digunakan dalam pengiraan Indeks Harga Pengguna dikemaskini secara berkala. Prosedur ini adalah perlu bagi memastikan wajaran ini menggambarkan perubahan dalam corak perbelanjaan pengguna.

Metodologi Pengiraan Indeks

Berkuatkuasa mulai penerbitan data untuk rujukan Januari 2016, kaedah indeks rantaian Laspeyres digunakan dalam pengiraan IHP. Ia menggunakan asas rujukan Disember 2015 = 100. Kaedah yang sama digunakan dalam pengiraan IHP penerbitan Januari 2018 dengan menggunakan asas rujukan Disember 2017=100, manakala pengiraan IHP penerbitan Januari 2024 dengan menggunakan asas rujukan Disember 2023=100.

Indeks harga pengguna dihitung sebagai indeks rantaian bakul tetap. Ini bermakna bahawa urutan indeks bakul tetap dirantai bersama untuk mewujudkan satu siri masa yang berterusan.

Perkara ini perlu untuk mengelakkan perubahan yang tidak dijangka dalam indeks apabila pengemaskinian bakul dilakukan.

Dalam usaha untuk indeks dirantai bersama antara bakul, wajaran perbelanjaan hibrid untuk bakul lama dan baru perlu dinyatakan pada satu tempoh harga yang sama. Tempoh tersebut dikenali sebagai bulan pautan (*link month*).

Wajaran bulan pautan diperoleh dengan mengemaskini harga pada bulan pautan terhadap wajaran perbelanjaan asal untuk mendapatkan perbelanjaan hibrid yang dinyatakan pada harga bulan pautan.

Dalam bulan yang berikutnya selepas bulan pautan bakul, indeks harga dihitung menggunakan bakul baru didarabkan dengan indeks yang diterbitkan sebelumnya berdasarkan bakul lama.

$I_{2010:t \text{ dirantai}} = I_{\text{Dis}2023:t \text{ 2022}} \times I_{\text{Dis}2017:t \text{ 2016}} \times I_{\text{Dis}2015:\text{Dis}2017:\text{Dis}2023 \text{ 2014}} \times I_{2010:\text{Dis}2015 \text{ 2010}}$
dimana:

- $I_{2010:t \text{ dirantai}}$ adalah indeks rantaian bagi tempoh pemerhatian harga t dengan tempoh rujukan harga 2010;
- $I_{\text{Dis}2023:t \text{ 2022}}$ adalah indeks bagi tempoh pemerhatian harga t dengan Disember 2023 sebagai tempoh rujukan harga, dihitung menggunakan bakul 2022;
- $I_{\text{Dis}2017:t \text{ 2016}}$ adalah indeks bagi tempoh pemerhatian harga t dengan Disember 2017 sebagai tempoh rujukan harga, dihitung menggunakan bakul 2016;
- $I_{\text{Dis}2015:\text{Dis}2017:\text{Dis} 2023 \text{ 2014}}$ adalah indeks bagi Disember 2023 dengan Disember 2017 dengan Disember 2015 sebagai tempoh rujukan harga dihitung menggunakan bakul 2014;
- $I_{2010:\text{Dis}2015 \text{ 2010}}$ adalah indeks bagi bulan Disember 2015, dengan 2010 sebagai tempoh rujukan harga dihitung menggunakan bakul 2010

Dalam kes indeks rantaian, penjumlahan indeks purata berwajaran bagi kumpulan peringkat rendah atau barangan adalah tidak sepadan dengan kumpulan peringkat yang lebih tinggi (indeks rantaian tidak berdaya tambah).

Kadar Perubahan

Kadar perubahan yang ditunjukkan oleh pergerakan harga boleh dikira menggunakan beberapa cara. Tiga kaedah pengiraan yang digunapakai sekarang ialah perubahan peratus di antara bulan semasa dan bulan yang sama tahun sebelumnya (tahun ke tahun); bulan semasa dengan bulan sebelumnya (bulan ke bulan) dan perubahan peratus antara purata tahunan tahun semasa yang spesifik dengan purata tahunan yang sama ditetapkan pada tahun sebelumnya. Contoh berikut menunjukkan cara mengira perubahan mata indeks dan perubahan peratus.

Perubahan Mata Indeks

Indeks Harga Pengguna	125.4
Tolak Indeks Sebelumnya	124.3

Bersamaan dengan	1.1

Peratus Perubahan

Perubahan mata indeks
dibahagi dengan indeks
sebelumnya, didarab
dengan seratus

$$\begin{aligned} &= \frac{125.4 - 124.3}{124.3} \times 100 \\ &= 0.9 \% \end{aligned}$$

Pelarasan Bermusim

Data siri masa adalah amat berguna untuk ahli ekonomi, pembuat dasar & keputusan serta penganalisis siri masa untuk mengenal pasti ciri-ciri penting siri ekonomi seperti arah aliran, *turning point* dan konsistensi antara penunjuk ekonomi yang lain. Kadangkala ciri ini sukar untuk diperhatikan kerana pergerakan bermusim. Oleh itu, sekiranya kesan bermusim boleh disingkirkan, arah aliran data siri ini dapat dilihat dengan lebih baik. Anggaran dan penyingkiran kesan bermusim dipanggil pelarasan bermusim.

Pelarasan bermusim adalah satu proses untuk mengenal pasti dan menyingkirkan bentuk pola bermusim yang biasa berlaku dalam tempoh satu tahun, yang mungkin juga merangkumi pengaruh dari kesan cuti yang bergerak dan hari bekerja/berdagang bagi suatu tempoh. Objektif utama proses ini adalah untuk menyerlahkan arah aliran dan pergerakan-pergerakan jangka pendek dalam siri ini.

Di Malaysia, kebanyakan data siri masa dipengaruhi oleh kesan bermusim. Oleh itu, untuk menghapus dan melaraskan kesan bermusim data siri masa ekonomi Malaysia, pakej standard pelarasan bermusim, X-12 ARIMA telah digunakan oleh Jabatan Perangkaan, Malaysia. Data

siri masa ekonomi Malaysia juga kerap dipengaruhi oleh perayaan agama utama seperti Aidil Fitri bagi umat Islam, Tahun Baru Cina untuk kaum Cina dan Deepavali untuk kaum India. Tarikh perayaan-perayaan ini tetap mengikut tahun lunar tetapi berbeza-beza mengikut kalendar *Gregorian*. Oleh itu, untuk menganggar dan menyingkirkan kesan cuti yang bergerak dari data siri masa, satu prosedur telah dibangunkan iaitu *Seasonal Adjustment for Malaysia (SEAM)*.

Pindaan

Pindaan dibuat kepada angka yang telah diterbitkan berdasarkan angka terkini yang diperolehi.

TECHNICAL NOTES

Concepts and Definitions

Introduction

The CPI measures the percentage change through time in the cost of purchasing a constant “basket” of goods and services which represents the average pattern of purchases made by a particular population group in a specified time period. The “basket” is of an unchanging or equivalent quantity and quality of goods and services, consisting of items for which there are continually measurable market prices over time. Changes in the costs of items in the basket are therefore due only to “pure” price movements, i.e. price movements that are not associated with changes in the quality and / or quantity of the set of consumer goods and services in the basket.

The “basket” covers a wide range of goods and services, classified according to the United Nations “Classification of Individual Consumption According to Purpose (COICOP)” in the following thirteen groups:

- *Food & Beverages*
- *Alcoholic Beverages & Tobacco*
- *Clothing and Footwear*
- *Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels*
- *Furnishings, Household Equipment & Routine Household Maintenance*
- *Health*
- *Transport*
- *Information & Communication*
- *Recreation, Sport & Culture*
- *Education*
- *Restaurants & Accommodation Services*
- *Insurance & Financial Services*
- *Personal Care, Social Protection & Miscellaneous Goods & Services*

The Consumer Price Index is calculated according to states in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. All the state indices will be combined to produce Malaysia’s index. Malaysia’s index is a composite index weighted by states expenditure weights of each state’s indices.

Coverage

Commencing January 2024, the weights used in the calculation of the CPI are based on the pattern of expenditure obtained from the Household Expenditure Survey conducted in 2022.

Price

The prices used in the calculation of the CPI are retail prices or transacted prices including all taxes imposed on those goods and services.

Prices are collected on a monthly basis for all items and especially for perishable food items, it was collected both on monthly as well as on weekly basis. Meanwhile, rents are collected once every quarter.

The selection of outlets in which prices are to be collected is purposive (other than for rents) with the sample designed to cover outlets with high sales turnover. Prices of 573 items are used in the computation and these are obtained from 23,300 retail outlets in Malaysia.

Weights

The weights used in the calculation of the Consumer Price Index are periodically updated. This procedure is necessary to ensure that the weights reflect the changes in consumer expenditure pattern.

Index Calculation Methodology

Effective with the release of data for January 2016, Laspeyres chain index method is used in the calculation of the CPI. It employs December 2015=100 as the reference base. The same method will be used in the calculation of the CPI publication January 2018 using the reference base December 2017=100, while the calculation of the CPI publication January 2024 using the reference base December 2023=100.

The consumer price indices are calculated as a chain of fixed-basket indices. This means that a sequence of fixed-basket indices have been chained together to create a continuous time series. This is necessary to avoid having breaks in an index when the basket is updated.

In order to chain indices across baskets, hybrid expenditure weights for the old and new baskets must be expressed at the prices of a common period. This common period is called the link month.

Link month weights are obtained by updating the price of the original expenditure weights to obtain the hybrid expenditures expressed at the prices of the link month.

In the month following the basket link month, price indices calculated using the new basket are multiplied by the index levels previously published for the old basket.

$$I_{2010:t \text{ chained}} = I_{\text{Dec}2023:t \text{ 2022}} \times I_{\text{Dec}2017:t \text{ 2016}} \times I_{\text{Dec}2015:\text{Dis}2017:\text{Dec}2023 \text{ 2014}} \times I_{2010:\text{Dec}2015 \text{ 2010}}$$

where:

$I_{2010:t \text{ chained}}$ is a chained index for the price observation period t with a price reference period equal to 2010;

$I_{\text{Dec}2023:t \text{ 2022}}$ is an index for the price observation period t with December 2023 as the price reference period, calculated using the 2022 basket;

$I_{\text{Dec}2017:t \text{ 2016}}$ is an index for the price observation period t with December 2017 as the price reference period, calculated using the 2016 basket;

$I_{\text{Dec}2015:\text{Dec}2017:\text{Dec}2023 \text{ 2014}}$ is a chained index for December 2023 with December 2017 with December 2015 as the price reference period, calculated using the 2014 basket;

$I_{2010:\text{Dec}2015 \text{ 2010}}$ is a chained index for December 2015, with 2010 as the price reference period calculated using the 2010 basket;

In the case of the chain index, the weighted averages of indices of lower level groups or items do not match those of the corresponding upper level groups (the chain index has no additivity).

Rate of Change

A rate of change representative of movement in prices may be derived in several ways. The current method of calculating CPI uses three measures of change, i.e the percentage change between any given month and the same month a year ago (year-on-year); the current month over previous month (month-on-month) and the percentage change between annual average for the specific current year to the same fixed period on the previous year. The following example illustrates the computation of index point and percentage change.

Index Point Change

Consumer Price Index	125.4
Less Previous Index	124.3

Equals to	1.1

Percentage Change

Index point
difference
divided by the
previous index,
multiplied by one
hundred

$$\begin{aligned} & \frac{125.4 - 124.3}{124.3} \times 100 \\ & = 0.9 \% \end{aligned}$$

Seasonal Adjustment

Time-series data are very useful for economists, policy & decision makers and analysts to identify the important features of economic series such as direction, turning point and consistency between other economic indicators. Sometimes this feature is difficult to observe because of seasonal movements. Thus, if the seasonal effect can be removed, the behaviour of the series would be better viewed. The estimation and removal of the seasonal effects is called seasonal adjustment.

Seasonal adjustment is a process to identify and to remove the regular within-a-year seasonal pattern, which may also include the influences of moving holidays and working/trading days effect in each period. The ultimate objective of the process is to highlight the underlying trends and short-term movements in the series.

In Malaysia, most of the time series data are affected by seasonal effects. Hence, to eliminate the seasonal effect as well as to seasonally adjust the Malaysian economic time series data, a standard seasonal adjustment package, X-12 ARIMA was used by Department of Statistics,

Malaysia. Malaysian economic time series data also often affected by major religious festivals such as Eid-ul Fitr for Muslims, Chinese New Year to the Chinese and the Indian Deepavali. These festivals' dates are fixed according to the lunar year but vary according to the Gregorian calendar. Therefore, to estimate and remove moving holiday effect from time-series data, a procedure was developed, namely Seasonal Adjustment for Malaysia (SEAM).

Revision

Revision will be made to the published figures based on the latest data available.

**PENGEMASKINIAN BAKUL
INDEKS HARGA PENGGUNA**
*UPDATING THE CONSUMER PRICE INDEX
BASKET*

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank

Pengemaskinian bakul Indeks Harga Pengguna dengan penggunaan *Classification of Individual Consumption According to Purpose (COICOP 2018)*

Pengenalan

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menyelesaikan proses pengemaskinian Indeks Harga Pengguna (IHP) berdasarkan Survei Perbelanjaan Isi Rumah (HES) yang telah dilaksanakan selama dua belas bulan rujukan daripada Januari hingga Disember 2022. Pengemaskinian bakul barangan dan perkhidmatan adalah prosedur biasa yang dijalankan oleh Organisasi Statistik Antarabangsa (NSO) untuk memastikan statistik tersebut mewakili corak perbelanjaan isi rumah terkini. Penyusunan IHP adalah berdasarkan *Consumer Price Index Manual (Concepts and Methods) 2020* oleh *International Monetary Fund (IMF)*.

Selain itu, mulai tahun 2024, satu perubahan ketara dalam siri baharu ini adalah penggunaan COICOP 2018 untuk pengelasan semula item di dalam bakul. Ini menyebabkan beberapa item berubah merentas Kumpulan dan Subkumpulan.

Survei Perbelanjaan Isi Rumah (HES) 2022

HES telah dilaksanakan dengan kekerapan dua kali setiap lima tahun untuk mengumpul data terkini mengenai perbelanjaan penggunaan isi rumah persendirian. Data perbelanjaan isi rumah dipungut bagi dua tempoh rujukan. Tempoh rujukan pertama ialah selama sebulan merujuk kepada perbelanjaan harian yang dilakukan oleh isi rumah bermula hari pertama hingga hari terakhir bulan berkenaan. Tempoh rujukan kedua ialah bagi barangan yang tidak kerap dibeli seperti barang tahan lama dan item terpilih yang mana tempoh rujukan dikira bagi 11 bulan yang lalu. Objektif utama survei adalah seperti berikut:

- Mengumpul maklumat tentang paras dan corak perbelanjaan penggunaan oleh isi rumah ke atas pelbagai jenis barangan dan perkhidmatan;
- Merupakan asas bagi menentukan jenis barangan dan perkhidmatan yang akan dimasukkan ke dalam bakul IHP; dan

- Digunakan untuk mengemaskini wajaran IHP di mana IHP merupakan pengukur kepada kadar perubahan purata harga bagi sekumpulan barangan dan perkhidmatan yang mewakili corak perbelanjaan isi rumah di Malaysia.

Indeks Harga Pengguna (IHP)

IHP mengukur perubahan peratus kos pembelian mengikut masa bagi “bakul” tetap barangan dan perkhidmatan yang mewakili corak purata pembelian oleh sekumpulan penduduk pada sesuatu tempoh masa yang ditetapkan. “Bakul” ini merujuk kepada barangan dan perkhidmatan yang mempunyai kualiti dan kuantiti yang seakan-akan sama atau tidak berubah, yang mengandungi item yang berada lama atau boleh diukur secara berterusan di pasaran berbanding dengan masa. Perubahan harga barangan yang berlaku dalam “bakul” ini adalah disebabkan oleh perubahan harga yang sebenarnya sahaja, iaitu perubahan harga ini tidak berkaitan langsung dengan perubahan pada kuantiti atau kualiti barang dan perkhidmatan tersebut.

Kriteria untuk memilih item bagi bakul IHP

Item bagi "bakul" IHP dipilih untuk mewakili pelbagai barangan dan perkhidmatan yang dibeli oleh isi rumah. Item tertentu telah ditambah dalam "bakul" untuk memastikan terdapat perwakilan yang mencukupi bagi semua kumpulan utama, subkumpulan utama, kelas perbelanjaan dan subkelas perbelanjaan.

Item yang telah menunjukkan peningkatan dalam kepentingan relatif di mana ia mewakili komposisi yang besar dalam perbelanjaan isi rumah akan ditambah. Sementara itu, item yang menunjukkan penurunan dalam kepentingan relatif di mana ia tidak lagi mewakili sumbangan yang besar dalam perbelanjaan isi rumah akan dikeluarkan.

Perubahan dan Penambahbaikan

Bagi pengemaskinian bakul IHP ini, wajaran IHP merujuk kepada perbelanjaan hibrid, yang bermaksud bahawa harga dan kuantiti perbelanjaan merujuk kepada tempoh yang berbeza. Wajaran IHP adalah berdasarkan kepada Survei Perbelanjaan Isi Rumah yang dilaksanakan daripada Januari hingga Disember 2022 (tempoh rujukan wajaran), yang dinyatakan pada harga Disember 2023 (tempoh rujukan harga).

Pengemaskinian harga untuk IHP adalah disarankan oleh IMF dan merupakan amalan biasa di peringkat antarabangsa. Tujuan pengemaskinian harga adalah untuk menyatakan kuantiti perbelanjaan 2022 pada harga Disember 2023, iaitu tempoh rujukan baharu bagi harga.

Klasifikasi COICOP 2018

Semua barangan dan perkhidmatan yang termasuk di dalam IHP dibahagikan kepada kumpulan perbelanjaan utama berdasarkan *Classification of Individual Consumption According to Purpose* (COICOP 2018). COICOP 2018 telah dikeluarkan oleh *United Nations* pada Mac 2018 untuk penggunaan sistem klasifikasi dalam penyusunan perbelanjaan isi rumah. Pengemaskinian bakul IHP barangan dan perkhidmatan juga mengambil kira pengelasan semula dan penambahan kod item termasuk penambahbaikan, pertukaran dan perubahan kod daripada 12 kumpulan utama sebelumnya kepada 13 kumpulan utama.

Bagi tujuan pengumpulan dan analisis data, klasifikasi COICOP telah diguna pakai untuk item perbelanjaan isi rumah di Malaysia. Penggunaan COICOP Malaysia (MCOICOP) 2021 telah dilaksanakan berdasarkan COICOP *United Nations*.

Antara perubahan utama dalam MCOICOP 2021 ialah pengenalan kod item 5 digit (subkelas perbelanjaan) dan kod 8 digit (item). Peluasan kod item ini adalah untuk memperincikan lagi kod item perbelanjaan sedia ada. Sebagai contoh, kumpulan kod 12 (Pelbagai Barangan & Perkhidmatan) sebelumnya dibahagikan kepada dua kod iaitu kod 12 (Insurans & Perkhidmatan Kewangan) dan 13 (Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan).

Jadual 1: Perbandingan MCOICOP 2019 dan MCOICOP 2021

Kumpulan	MCOICOP 2019	MCOICOP 2021
01	Makanan & Minuman Bukan Alkohol	Makanan & Minuman
02	Minuman Alkohol & Tembakau	Minuman Alkohol & Tembakau
03	Pakaian & Kasut	Pakaian & Kasut
04	Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain	Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain
05	Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah	Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah
06	Kesihatan	Kesihatan
07	Pengangkutan	Pengangkutan
08	Komunikasi	Maklumat & Komunikasi
09	Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan	Rekreasi, Sukan & Kebudayaan
10	Pendidikan	Pendidikan
11	Restoran & Hotel	Restoran & Perkhidmatan Penginapan
12	Pelbagai Barangan & Perkhidmatan	Insurans & Perkhidmatan Kewangan
13		Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan

13 kumpulan utama ini dibahagikan kepada 52 subkumpulan utama. Subkumpulan utama dibahagikan lagi kepada 148 kelas perbelanjaan dan 303 subkelas perbelanjaan.

Kepentingan Relatif dan Maklumat Wajaran untuk Indeks Harga Pengguna

IHP biasanya dikira sebagai purata wajaran perubahan harga relatif bagi barangan dan perkhidmatan yang diliputi oleh indeks. Wajaran yang dilampirkan pada setiap barangan dan perkhidmatan mencerminkan kepentingan relatifnya seperti yang diukur dengan sumbangan mereka dalam jumlah penggunaan semua isi rumah. Wajaran menentukan kesan perubahan harganya terhadap indeks keseluruhan.

Jadual 2: Wajaran IHP mengikut COICOP, 2018 dan 2024

Kumpulan	COICOP	2018	Kedudukan	2024	Kedudukan
01	Makanan & Minuman	29.5	1	29.8	1
02	Minuman Alkohol & Tembakau	2.4	10	1.9	12
03	Pakaian & Kasut	3.2	8	2.7	11
04	Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain	23.8	2	23.2	2
05	Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah	4.1	7	4.3	6
06	Kesihatan	1.9	11	2.7	10
07	Pengangkutan	14.6	3	11.3	3
08	Maklumat & Komunikasi	4.8	6	6.6	4
09	Rekreasi, Sukan & Kebudayaan	4.8	5	3.0	9
10	Pendidikan	1.3	12	1.3	13
11	Restoran & Perkhidmatan Penginapan	2.9	9	3.4	8
12	Insurans & Perkhidmatan Kewangan	6.7	4	4.0	7
13	Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan			5.8	5
	Jumlah	100.0		100.0	

Ringkasan perubahan perwakilan dalam bakul barangan dan perkhidmatan IHP:

- i. Kumpulan Makanan dan Minuman kekal sebagai wajaran tertinggi dalam bakul IHP. Nilai wajaran meningkat sedikit daripada 29.5 kepada 29.8 pada 2024;
- ii. Perbelanjaan Pengangkutan meningkat. Walau bagaimanapun, wajaran kumpulan ini menurun kepada 11.3 berbanding 14.6 pada 2018;
- iii. Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain kekal sebagai kumpulan kedua tertinggi, namun, nilai wajaran perbelanjaannya menurun sedikit kepada 23.2 berbanding 23.8 pada 2018;
- iv. Wajaran untuk Maklumat & Komunikasi; Restoran & Perkhidmatan Penginapan; Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah dan Kesihatan juga meningkat;
- v. Walau bagaimanapun, wajaran perbelanjaan untuk Rekreasi, Sukan & Kebudayaan; Pakaian & Kasut dan Minuman Alkohol & Tembakau menunjukkan penurunan pada 2024 berbanding 2018; dan

- vi. Pelbagai Barangan & Perkhidmatan sebelum ini dibahagikan kepada dua kod, Insurans & Perkhidmatan Kewangan dengan wajaran perbelanjaan 7.0, dan Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan 5.8.

Peringkat akhir pengemaskinian bakul IHP bertujuan untuk menghubungkan bakul tetap-kuantiti baru kepada bakul tetap-kuantiti yang lama bagi menghasilkan indeks dengan siri masa yang berterusan. Sehubungan ini, IHP disebut sebagai indeks rantaian bakul tetap.

Liputan Item dan Outlet

Dalam melaksanakan pengemaskinian IHP, semua item barangan dan perkhidmatan telah disemak dan dikemas kini untuk menggambarkan corak perbelanjaan semasa. Jumlah item yang dipilih telah diperluaskan kepada 573 item pada 2024.

Antara item baharu yang telah diperkenalkan di dalam bakul IHP ialah Telur ayam Omega, Steamboat, Periuk tekanan, Meter tekanan darah, Lampin dewasa, Hemodialisis, Bayaran untuk perkhidmatan penghantaran makanan, Bayaran masuk ke muzium dan Krim pelindung matahari.

Sementara itu, beberapa item telah digugurkan pada tahun 2024. Pengguguran ini disebabkan oleh perbelanjaan yang rendah atau berkurangan dan kesan ketara yang sangat kecil kepada bakul barangan dan perkhidmatan. Antara contoh item tersebut adalah, Beras wangi tempatan, Biskut perayaan, Komputer Desktop, Kartrij dakwat pencetak, Pemain VCD, Ubat tradisional, Kenderaan Gas Asli (NGV) dan Perjudian.

Bilangan outlet yang terpilih di dalam IHP 2024 ialah 21,300 outlet daripada 21,800 outlet dalam siri asas 2018.

Metodologi Pengiraan Indeks

Berkuatkuasa mulai penerbitan data untuk rujukan Januari 2016, kaedah indeks rantaian Laspeyres digunakan dalam pengiraan IHP. Ia menggunakan asas rujukan Disember 2015=100. Kaedah yang sama akan digunakan dalam pengiraan IHP penerbitan Januari 2024 dengan menggunakan asas rujukan Disember 2023=100.

IHP dihitung sebagai indeks rantaian bakul tetap. Ini bermakna bahawa urutan indeks bakul tetap dirantai bersama untuk mewujudkan satu siri masa yang berterusan. Perkara ini perlu untuk mengelakkan perubahan yang tidak dijangka dalam indeks apabila pengemaskinian bakul dilakukan.

Dalam usaha untuk indeks dirantai bersama antara bakul, wajaran perbelanjaan hibrid untuk bakul lama dan baru perlu dinyatakan pada satu tempoh harga yang sama. Tempoh tersebut dikenali sebagai bulan pautan (*link month*). Wajaran bulan pautan diperoleh dengan mengemaskini harga pada bulan pautan terhadap wajaran perbelanjaan asal untuk mendapatkan perbelanjaan hibrid yang dinyatakan pada harga bulan pautan.

Dalam bulan yang berikutnya selepas bulan pautan bakul, indeks harga dihitung menggunakan bakul baru didarabkan dengan indeks yang diterbitkan sebelumnya berdasarkan bakul lama.

Dalam kes indeks rantaian, penjumlahan indeks purata berwajaran bagi kumpulan peringkat rendah atau barangan adalah tidak sepadan dengan kumpulan peringkat yang lebih tinggi (indeks rantaian tidak berdaya tambah).

Updating the Consumer Price Index basket with adoption of the Classification of Individual Consumption According to Purpose (COICOP 2018)

Introduction

The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) has completed the exercise of updating the Consumer Price Index (CPI) based on the results of the Household Expenditure Survey (HES) conducted for twelve reference months from January to December 2022. Updating the basket of goods and services is a common procedure undertaken by National Statistical Offices (NSO) to ensure the statistics represent the latest household expenditure patterns. The compilation of CPI was based on the Consumer Price Index Manual (Concepts and Methods) 2020 by International Monetary Fund (IMF).

Apart from that, starting 2024, one major change in the new series is the adoption of COICOP 2018 for the re-classification of items in the basket. This resulted in some items moving across Groups and Subgroups.

Household Expenditure Survey (HES) 2022

The HES is conducted twice in every five years to collect up-to-date data on the consumption expenditure of private households. Household expenditure data were collected over two reference periods. The first reference period of one month referred to the daily expenditure incurred by the household from the first until the last day of the month. The second reference period was for items of infrequent expenditure items such as consumer durables and selected items, and covered the past 11 months. The main objective of the survey are as follows:

- *To collect information on the level and pattern of consumption expenditure by households on varieties of goods and services;*
- *As the basis to determine the types of goods and services to be included in the basket of the Consumer Price Index (CPI); and*

- *To update the CPI weights where the CPI is a measure of the average rate of change in prices of a fixed basket of goods and services which represent the expenditure pattern of all households in Malaysia.*

Consumer Price Index (CPI)

The CPI measures the percentage change over time in the cost of purchasing a constant “basket” of goods and services representing the average pattern of purchases made by a particular population group in a specified time period. The “basket” is of an unchanging or equivalent quality and quantity of goods and services, consisting of items for which there are continually measurable market prices over time. Changes in the costs of items in the “basket” are therefore due only to “pure” price movements, i.e. price movements that are not associated with changes in the quality and/or quantity of the set of consumer goods and services in the “basket”.

Criteria for selecting CPI basket items

The CPI “basket” items are selected to represent a much wider range of goods and services that households purchase. Particular items have been added in the basket to ensure there is a good representation across the main groups, main subgroups, expenditure classes and expenditure subclasses.

Items that have shown an increase in the relative importance of which it represents a significant share of household spending will be added. Meanwhile, the items that have declined in the relative importance of which it no longer represents a significant share of household spending will be removed.

Changes and Improvements

For this updating "basket" exercise, the CPI basket weights are actually hybrid expenditures, meaning that the prices and quantities of the expenditures come from different periods. CPI weights are based on Household Expenditure Survey conducted from January to December 2022 (weight reference period), expressed in December 2023 prices (price reference period).

Price updating is recommended for CPIs by the IMF and is common international practice. The purpose of price updating is to express the quantities underlying the 2022 expenditure values in the prices of the December 2023, the new price reference period.

Classification of COICOP 2018

All goods and services included in the CPI are divided into major expenditure groups based on the Classification of Individual Consumption According to Purpose (COICOP 2018). The COICOP 2018 has been endorsed by the United Nations in March 2018 for the use of classification system in household expenditure compilation. Updating of the CPI basket of goods and services also considers the reclassification and expansion of item codes including improvements, shifts and code changes from 12 groups previously to 13 main groups.

For the purpose of data collection and analysis, the COICOP classification has been adopted to household expenditure items in Malaysia. The use of COICOP Malaysia (MCOICOP) 2021 has been implemented based on the United Nations COICOP.

Among the main changes in MCOICOP 2021 used by DOSM is the introduction of 5 digits item codes (expenditure subclasses) and 8 digits codes (items). The purpose of the item code expansion is to provide more details for the current expenditure items code. For instance, code group 12 (Miscellaneous Goods & Services) was split into two codes, namely codes 12 (Insurance and Financial services) and 13 (Personal Care, Social Protection and Miscellaneous Goods and Services).

Table 1: Comparison of MCOICOP 2019 and MCOICOP 2021

Group	MCOICOP 2019	MCOICOP 2021
01	<i>Food & Beverages Non-Alcoholic</i>	<i>Food & Beverages</i>
02	<i>Alcoholic Beverages & Tobacco</i>	<i>Alcoholic Beverages & Tobacco</i>
03	<i>Clothing & Footwear</i>	<i>Clothing & Footwear</i>
04	<i>Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels</i>	<i>Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels</i>
05	<i>Furnishings, Household Equipment & Routine Household Maintenance</i>	<i>Furnishings, Household Equipment & Routine Household Maintenance</i>
06	<i>Health</i>	<i>Health</i>
07	<i>Transport</i>	<i>Transport</i>
08	<i>Communication</i>	<i>Information & Communication</i>
09	<i>Recreation Services & Culture</i>	<i>Recreation, Sport & Culture</i>
10	<i>Education</i>	<i>Education Services</i>
11	<i>Restaurants & Hotel</i>	<i>Restaurants & Accommodation Services</i>
12	<i>Miscellaneous Goods & Services</i>	<i>Insurance & Financial Services</i>
13		<i>Personal Care, Social Protection & Miscellaneous Goods & Services</i>

These 13 main groups are divided into 52 main subgroups. The main subgroup is further divided into 148 expenditure classes and 303 expenditure subclasses.

The Relative Importance and Weight Information for the Consumer Price Indexes

The CPI is usually calculated as a weighted average of the relative price changes of the goods and services covered by the index. The weights attached to each goods and services reflect their relative importance as measured by their shares in the total consumption of all households. The weight determines the impact that its price change will have on the overall index.

Table 2: CPI weights by COICOP, 2018 and 2024

Group	COICOP	2018	Ranking	2024	Ranking
01	Food & Beverages	29.5	1	29.8	1
02	Alcoholic Beverages & Tobacco	2.4	10	1.9	12
03	Clothing & Footwear	3.2	8	2.7	11
04	Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels	23.8	2	23.2	2
05	Furnishings, Household Equipment & Routine Household Maintenance	4.1	7	4.3	6
06	Health	1.9	11	2.7	10
07	Transport	14.6	3	11.3	3
08	Information & Communication	4.8	6	6.6	4
09	Recreation, Sport & Culture	4.8	5	3.0	9
10	Education Services	1.3	12	1.3	13
11	Restaurants & Accommodation Services	2.9	9	3.4	8
12	Insurance & Financial Services	6.7	4	4.0	7
13	Personal Care, Social Protection & Miscellaneous Goods & Services			5.8	5
	Total	100.0		100.0	

Summary of changes to the CPI basket of representative goods and services:

- i. Food and Beverages group remained as the highest weight in the CPI basket. The weighted value increased marginally from 29.5 to 29.8 in 2024;*
- ii. The expenditure of Transport has increased. Nonetheless, the weight of this group has declined to 11.3 as compared to 14.6 in 2018;*
- iii. Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels remained as the second largest group, but its expenditure weight value decreased slightly to 23.2 as compared to 23.8 in 2018;*
- iv. The weights for Information & Communication; Restaurants & Accommodation Services; Furnishings, Household Equipment & Routine Household Maintenance and Health also increased;*
- v. Nevertheless, the expenditure weights for Recreation, Sport & Culture; Clothing & Footwear and Alcoholic Beverages & Tobacco declined in 2024 as compared in 2018; and*

- vi. *Miscellaneous Goods & Services was previously split into two codes, Insurance & Financial Services with expenditure weight of 7.0 and Personal Care, Social Protection & Miscellaneous Goods & Services 5.8.*

The final stage of a basket update is to chain-link the new fixed-quantity basket to the old fixed-quantity basket in order to produce indices that are a continuous time series. For this reason, the CPI is referred to as a chain of fixed-basket indices.

Coverage of Items and Outlet

During the exercise of updating the CPI, all the items of goods and services were reviewed and updated to reflect the current consumption patterns. A total number of items selected was expanded to 573 items in 2024.

Among the new items that have been introduced in the CPI basket were Hen's eggs Omega, Steamboat, Pressure cooker, Blood pressure meter, Adult diapers, Hemodialysis, Fees for food delivery services, Entrance fees to museum and Sunscreen.

Meanwhile, some of the items have also been removed in 2024. The removal was due to lower or a decrease in expenditure and have an insignificant impact to the basket of goods and services. Examples of the items include Local fragrant rice, Festive cookies, Desktop computer, Printer ink cartridge, VCD player, Traditional medicine, Natural Gas Vehicle (NGV) and Gambling.

The total number of outlets selected in CPI 2024 was 21,300 outlets as compared to 21,800 outlets in 2018 based series.

Index Calculation Methodology

Effective with release of data for January 2016, the Laspeyres chain index method is used in the calculation of CPI. It employs the December 2015=100 reference base. The same method will be used in the calculation of the January 2024 CPI publication using the reference base December 2023=100.

The CPI is calculated as a chain of fixed-basket index. This means that a sequence of the fixed-basket indices has been chained together to create a continuous time series. This is necessary to avoid unexpected changes in the index when a basket updates are made.

In order to chain indices between baskets, the hybrid expenditure weights for old and new baskets must be expressed at the prices of a common period. This common period is called the link month. Link month weights are obtained by price-updating of the link month to the original expenditure weights to obtain the hybrid expenditures expressed for the link months' price.

In the month following the basket link month, price indices calculated using the new basket are multiplied by the index level previously published for the old basket.

In the case of the chain index, the weighted average of indices of lower level groups or items do not match those of the corresponding upper level groups (the chain index has no additivity).

LAMPIRAN
ANNEX

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank

Sasaran Tarikh Pengumuman Indeks Harga Pengguna, 2024
Scheduled Release Dates For Consumer Price Index, 2024

Tahun <i>Year</i>	Bulan Rujukan <i>Reference Month</i>	Tarikh Pengumuman <i>Release Date</i>	
2023	Disember <i>December</i>	Januari 2024 <i>January 2024</i>	22
2024	Januari <i>January</i>	Februari <i>February</i>	23
	Februari <i>February</i>	Mac <i>March</i>	25
	Mac <i>March</i>	April <i>April</i>	25
	April <i>April</i>	Mei <i>May</i>	24
	Mei <i>May</i>	Jun <i>June</i>	25
	Jun <i>June</i>	Julai <i>July</i>	24
	Julai <i>July</i>	Ogos <i>August</i>	22
	Ogos <i>August</i>	September <i>September</i>	23
	September <i>September</i>	Oktober <i>October</i>	24
	Oktober <i>October</i>	November <i>November</i>	22
	November <i>November</i>	Disember <i>December</i>	20
	Disember <i>December</i>	Januari 2025 <i>January 2025</i>	22

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank

ISSN 0127-9491



9 770127 949001



20 OKT 2016-2030



MALAYSIA MADANI



www.dosm.gov.my



@StatsMalaysia